

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum membuat keputusan untuk mengambil Pembiayaan Sewa Beli-i yang ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad. Sila dapatkan keterangan lanjut daripada CIMB Islamic Bank Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak jelas tentang apa-apa maklumat atau terma-terma am di dalam lembaran ini.</p>	<p>CIMB Islamic Bank Berhad</p> <p>Sewa Beli – i - Kadar Tetap dan Kadar Boleh Ubah (Dikawal selia oleh Akta Sewa Beli 1967)</p> <p>Tarikh:</p>
<p>1. Produk ini berkaitan apa?</p> <p>Pembiayaan Sewa Beli-i ini adalah untuk pembiayaan berteraskan Shariah untuk memenuhi kehendak pelanggan yang memerlukan pilihan yang lain dari pembiayaan kenderaan konvensional yang sedia ada. Pembiayaan ini adalah dikira atas kadar keuntungan tetap ataupun kadar keuntungan boleh ubah. Hakmilik kenderaan kekal di pihak Bank sehinggahal penyelesaian pembiayaan sepenuhnya. Bergantung pada penilaian kredit anda, Bank mungkin memerlukan Penjamin untuk menjamin kewajipan anda. Operasi pembiayaan kenderaan ini adalah dikawal selia Akta Sewa Beli 1967.</p>	
<p>2. Apakah prinsip Shariah yang digunakan?</p> <p>Pembiayaan Sewa Beli-i ini menggunakan konsep Ijarah (Sewa) dan diikuti oleh Bai' (Jual) yang juga dikenali sebagai Ijarah Thumma Al-Bai (AITAB). Di bawah kontrak Ijarah, pelanggan menyewa kenderaan tersebut dari Pemilik/Bank pada harga yang dipersetujui sepanjang tempoh penyewaan. Apabila tamat tempoh sewaan, pelanggan akan memasuki kontrak jualan untuk membeli kenderaan tersebut dari Bank pada harga yang ditetapkan.</p>	
<p>3. a. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga Jualan Pengedar/Penjual (<i>harga jualan kenderaan</i>) : RM • Harga Belian Bank (<i>jumlah pembiayaan</i>) : RM • Jumlah Caj Terma (<i>jumlah keuntungan</i>) : RM • Margin Pembiayaan : % • Tempoh Pembiayaan : bulan • Kadar Tetap (<i>yang mana berkenaan</i>) : % • Kadar Boleh Ubah (<i>yang mana berkenaan</i>) : % (KPA +/- _____ %) • Kadar Peratusan Tahunan : % • Kadar Pembiayaan Asas (“KPA”) Semasa : % pada <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Caj/kadar terma mungkin berubah tertakluk kepada penilaian kredit Bank. • Caj terma untuk Kadar Boleh Ubah mungkin berbeza jika KPA berubah. <p>b. Apabila caj terma dikira pada Kadar Boleh Ubah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Caj terma dikira berdasarkan Baki Berjadual dan akan dicaj ke akaun anda pada setiap bulan. <p><u>Nota:</u></p> <p>“Baki Berjadual” adalah jadual yang ditentukan terlebih dahulu berdasarkan jumlah penuh yang dibiayai di bawah Sewa Beli-i atas dasar bahawa ansuran bulanan telah dibayar dan apabila harus dibayar.</p>	
<p>4. Apakah tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah sewaan bulanan : RM • Jumlah yang perlu dibayar termasuk jumlah pembiayaan : RM <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk pembiayaan kadar boleh ubah, ansuran bulanan dan jumlah penuh yang perlu dibayar mungkin berubah jika KPA berubah. • Semakan semula KPA boleh menyebabkan kenaikan/pengurangan ke atas ansuran bulanan atau memanjangkan/memendekkan tempoh pembiayaan kemudahan (berdasarkan pilihan penyewa). • Apa-apa pembayaran yang dibuat melebihi sewaan bulanan yang perlu dibayar akan dianggap sebagai pembayaran terdahulu. Pembayaran tersebut tidak akan dalam apa cara jua mengurangkan jumlah keuntungan yang perlu dibayar dan tidak boleh dikeluarkan semula. Pembayaran terdahulu tersebut akan digunakan untuk membayar ansuran seterusnya yang kena dibayar atau sebarang fi dan caj. 	

5. Apakah yuran atau caj yang saya perlu bayar?

No	Jenis-jenis Bayaran	RM
1	Bayaran Pos Berdaftar untuk Notis Berkanun <ul style="list-style-type: none"> • Notis Jadual Keempat • Notis Niat Untuk Tarik • Notis Jadual Kelima • Surat Akuan (Borang 16) 	<ul style="list-style-type: none"> • 5.80* untuk akaun tanpa penjamin • 11.60* untuk akaun dengan satu (1) penjamin <p>Nota: Caj yang ditunjukkan adalah untuk setiap notis yang dihantar.</p>
2	Duti Setem untuk Perjanjian Sewa Beli-i / Jaminan	10.00 setiap perjanjian
3	Duti Setem untuk Perjanjian Penjadualan dan Penyusunan Semula	10.00 setiap perjanjian
4	Perkhidmatan Kurier <ul style="list-style-type: none"> • Di dalam Malaysia • Ke Malaysia Timur 	<ul style="list-style-type: none"> 10.00 setiap permohonan 15.00 setiap permohonan
5	Kebenaran untuk pemindahan kenderaan di antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur	50.00 setiap surat
6	Pengesahan Audit	10.00 setiap permohonan
7	Salinan Perjanjian Jaminan	8.00 setiap permohonan
8	Salinan Perjanjian Sewa Beli-i	16.00 setiap permohonan
9	Salinan Kelulusan Permit	7.00 setiap permohonan
10	Salinan Kad Pendaftaran Kenderaan	7.00 setiap permohonan

Nota:

*Caj ini adalah caj indikatif sahaja dan mungkin berbeza berdasarkan caj penghantaran sebenar oleh Pos Malaysia.

- Cukai ke atas produk dan perkhidmatan (termasuk namun tidak terhad kepada cukai perkhidmatan, cukai tidak langsung atau cukai pegangan) yang mana berkenaan, seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan apa-apa cukai yang kena dibayar berkaitan dengan atau yang timbul daripada kemudahan pembiayaan/akaun yang akan dibayar.

6. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi ketetapan ini?

- Ta'widh (caj pampasan) pada kadar 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah sewaan yang tertunggak bagi kemudahan caj terma kadar tetap atau kadar boleh ubah, yang akan dikira setiap hari dari tarikh tamat tempoh bayaran sewaan pada bulan tersebut sehingga satu hari sebelum tarikh bayaran dibuat atas sebarang bayaran tertunggak yang perlu dibayar oleh Penyewa dan akan dicaj ke akaun Penyewa setiap bulan.
- Jumlah Ta'widh (caj pampasan) yang dikenakan ke atas bayaran yang lewat tidak akan dikompaun ke atas jumlah tunggakan.
- Bank berhak untuk memperoleh semula kenderaan yang dibiayai jika terdapat dua (2) kegagalan ke atas bayaran sewaan secara berturut-turut.
- Semua perbelanjaan berkaitan urusan perolehan semula kenderaan akan dicaj ke akaun Sewa Beli-i pelanggan.
- Bank akan menjual kenderaan selepas tamat tempoh Notis Jadual Ke 5 (Notis kepada Penyewa di bawah Seksyen 16, Akta Sewa Beli 1967) untuk mendapatkan semula jumlah pembiayaan yang masih ada, jika penebusan tidak dibuat dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.
- Segala kerugian selepas jualan akan dituntut daripada pelanggan.
- Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan baki tertunggak yang perlu dibayar ke atas kemudahan ini yang mana akan menjelaskan kedudukan kredit anda.
- Bank berhak untuk mengambil sebarang baki kredit dari mana-mana akaun anda yang diselenggarakan oleh Bank bagi membayar tunggakan pembiayaan ini setelah memberi notis tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu.
- Sekiranya Penyewa meninggal dunia dalam tempoh kemudahan Sewa Beli-i, Pemilik berhak untuk mengambil semula kenderaan tersebut sekiranya terdapat kegagalan pembayaran bulanan selama empat (4) bulan berturut-turut.

7. Apa akan berlaku sekiranya saya melunaskans sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Untuk Pembiayaan Sewa Beli-i Dengan Kadar Keuntungan Tetap :

Anda berhak untuk mendapat ibra' (rebate) menggunakan formula di bawah. Cara pengiraan adalah berdasarkan suatu formula yang tercatat di dalam Akta Sewa Beli 1967.

$$Ibra' = \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \times TC$$

Iaitu:
 n = Baki tempoh sewaan
 TC = Jumlah caj terma
 N = Jumlah tempoh sewaan

- Untuk Pembiayaan Sewa Beli-i Dengan Kadar Keuntungan Boleh Ubah :

Penyelesaian pembiayaan akan dikira dari baki sewaan bersama dengan caj terma terakru dan dikira sehingga tarikh bayaran yang seterusnya.

Penafian:

Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Kami akan memberikan anda Lembaran Pendedahan Produk yang telah disesuaikan apabila menerima maklumat tambahan daripada anda.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sahih pada 24/03/2025.